



**PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SECARA  
PERSIJILAN TAHAP TUNGGAL (*SINGLE TIER*) DI BAWAH SISTEM  
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MALAYSIA**

**15 JANUARI 2013**

## KANDUNGAN

KANDUNGAN	1
1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 LATAR BELAKANG	2
3.0 TAFSIRAN	3
4.0 SENARAI RINGKASAN	5
5.0 SYARAT DAN PROSEDUR PERMOHONAN PELAKSANAAN <i>SINGLE TIER</i>	6
5.1 Kriteria Pelaksanaan <i>Single Tier</i>	6
5.2 Prosedur Permohonan	7
6.0 TEMPOH LATIHAN	8
7.0 KAEDAH PELAKSANAAN LATIHAN	9
7.1 Pendaftaran Pelatih	9
7.2 Penilaian Pelatih	9
8.0 PERSIJILAN PELATIH	10
9.0 TARikh KUATKUASA	10

# **PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN SECARA PERSIJILAN TAHAP TUNGGAL (*SINGLE TIER*) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Panduan Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Secara Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan menetapkan syarat, prosedur dan kaedah pelaksanaan program secara tahap tunggal. Panduan ini ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama dengan panduan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut :

- i. Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaulahan Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ;
- ii. Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian;
- iii. Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentaulahan; dan
- iv. Mana-mana panduan yang berkaitan.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Memberi panduan kepada PB di bawah sistem pentaulahan untuk melaksanakan program secara persijilan tahap tunggal untuk :

- i. Melahirkan pekerja berkemahiran tinggi serta berpendapatan tinggi bagi merealisasikan objektif Model Ekonomi Baru (*New Economic Model*);
- ii. Memberi ruang kerjaya yang luas serta memberi peluang kebolehkerjaan dan pendapatan tinggi; dan
- iii. Menyokong pelaksanaan latihan secara fleksibel.

### **3.0 TAFSIRAN**

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

**“Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee, TAC*)”** ertinya jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil industri bidang berkenaan, PPB dan PPD, bagi memastikan mutu latihan dan penilaian yang dilaksanakan. Pengerusi hendaklah dilantik dikalangan wakil industri dan PPB sebagai setiausaha;

**“Ketua Pengarah”** ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17 Akta 652;

**“kumpulan program bertauliahan”** ertinya program bertauliahan yang dilaksanakan secara kombinasi dalam laluan program latihan kemahiran;

**“kurikulum”** ertinya kandungan anjuran suatu program penyelidikan yang telah dibuat oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya;

**“penilaian akhir”** ertinya peperiksaan yang diadakan di akhir sesuatu program merangkumi kedua-dua bahagian teori dan praktikal;

**“pentauliahan”** ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

**“penyedia latihan kemahiran”** ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

**“portfolio”** ertinya adalah dokumen yang mengandungi segala jenis bukti kompetensi secara tersusun dan sistematik, mengikut keperluan setiap profil tugas NOSS;

**“persijilan tahap tunggal”** ertinya kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan kombinasi dua atau lebih program bertauliah sehingga tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan program tersebut;

**“personel pentaulahan”** ertinya seseorang yang dilantik oleh pusat bertauliah dan diiktiraf oleh JPK sebagai Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP).

**“program”** ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar Standard;

**“program bertauliah”** ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

**“pusat bertauliah”** ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

**“Sijil”** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652;

**“Standard”** ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

**“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard*)”** ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

**“verifikasi dalaman”** ertinya pengesahan oleh panel lantikan pusat bertauliah yang terdiri daripada Jawatankuasa Penasihat Teknikal, pegawai pengesahan

dalam atau mana-mana personel yang berkaitan terhadap penilaian berterusan, penilaian akhir, projek akhir serta latihan industri;

**“verifikasi luaran”** ertinya pengesahan penilaian akhir yang dilakukan oleh pegawai pengesah luaran (PPL) yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP).

#### **4.0 SENARAI RINGKASAN**

DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JKP	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KAPPK	-	Kod Amalan Pentaulahan Program Kemahiran
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
LI	-	Latihan Industri
NOSS	-	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	-	Pusat Bertauliah
PLK	-	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	-	Pegawai Penilai
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalaman
PPL	-	Pegawai Pengesah Luaran
SKM 1	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
TAC	-	Jawatankuasa Penasihat Teknikal ( <i>Technical Advisory Committee</i> )

#### **5.0 SYARAT DAN PROSEDUR PERMOHONAN PELAKSANAAN**

##### **5.1 Kriteria Pelaksanaan**

###### **5.1.1 Pusat Bertauliah sedia ada**

- a. Hendaklah:
  - i. Telah mendapat kelulusan pentauliahan program sehingga tahap tertinggi bagi kumpulan program bertauliahan yang dipohon; atau
  - ii. Mengemukakan permohonan pentauliahan program tambahan mengikut tahap sehingga tahap tertinggi bagi jenis kumpulan program bertauliahan persijilan tahap tunggal yang dipohon.
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pegawai Pengesah Dalaman dan Pegawai Penilai bagi setiap jenis kumpulan program bertauliahan bagi pelaksanaan persijilan tahap tunggal yang dipohon; dan
- c. Memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh JPK dari semasa ke semasa.

#### **5.1.2 Penyedia Latihan Kemahiran (PLK)**

- a. Mengemukakan permohonan pentauliahan bagi pelaksanaan persijilan tahap tunggal kumpulan program bertauliahan yang dipohon;
- b. Memenuhi kriteria-kriteria pentauliahan seperti dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan yang sedang berkuatkuasa; dan
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pegawai Pengesah Dalaman dan Pegawai Penilai bagi setiap jenis kumpulan program bertauliahan pelaksanaan persijilan tahap tunggal yang dipohon;

#### **5.2 Prosedur Permohonan**

Bagi tujuan permohonan pelaksanaan program persijilan tahap tunggal, PLK

atau PB hendaklah:

- i. Mengemukakan permohonan kepada KPPK seperti perkara-perkara berikut:
  - a. Surat irangan dan cetakan permohonan pelaksanaan persijilan tahap tunggal yang telah lengkap diisi;
  - b. Kurikulum latihan dibangunkan mengikut kumpulan program bertaualiah yang dipohon seperti dalam Jadual 1;

Jadual 1.

<b>Kumpulan Program Bertaualiah (<i>Band</i>)</b>	<b>Tahap Persijilan</b>
Kumpulan program bertaualiah A1	Tahap 1, 2 &3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3)
Kumpulan program bertaualiah A2	Tahap 2 & 3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3)
Kumpulan program bertaualiah B1	Tahap 1,2,3 &4 (Persijilan tahap tunggal DKM )
Kumpulan program bertaualiah B2	Tahap 2,3, & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM )
Kumpulan program bertaualiah B3	Tahap 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM )
Kumpulan program bertaualiah C1	Tahap 3,4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM )
Kumpulan program bertaualiah C2	Tahap 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM )

- c. Bayaran fi yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) yang sedang berkuatkuasa (bagi PLK dan permohonan pentaualihan program tambahan bagi PB sedia ada).
- ii. PLK atau PB perlu membuat pembentangan kepada JPK sekiranya diperlukan.
- iii. KPPK boleh pada bila-bila masa, selepas menerima permohonan

pelaksanaan program persijilan tahap tunggal, meminta PB / PLK memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan. Jika dokumen atau maklumat tambahan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan ini dianggap terbatal.

## **6.0 TEMPOH LATIHAN**

- 6.1 Tempoh latihan adalah merujuk kepada tempoh latihan minimum yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.
- 6.2 PLK atau PB hendaklah mematuhi tempoh latihan seperti di perkara 6.1 kecuali mendapat kelulusan KPPK.

## **7.0 KAEADAH PELAKSANAAN LATIHAN**

Pelaksanaan latihan hendaklah mengikut program yang dibangunkan memenuhi keperluan NOSS seperti berikut:-

### **7.1 Pendaftaran Pelatih**

Pendaftaran Pelatih hendaklah merujuk kepada Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentauliahan dan juga hendaklah mematuhi syarat tambahan seperti berikut :

- i. Mendaftarkan pelatih pada tahap tertinggi bagi sesuatu program yang diikuti.
- ii. Kelayakan :
  - a. Memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam NOSS bagi program berkaitan; dan
  - b. Lulus temuduga / ujian/ lain-lain syarat yang ditetapkan oleh PB.
- iii. Pelatih hendaklah menjalani latihan mengikut tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK

## **7.2 Penilaian Pelatih**

Pelaksanaan penilaian pelatih merangkumi penilaian berterusan, penilaian akhir, projek akhir serta latihan industri dan hendaklah merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa serta mematuhi syarat tambahan berikut:

- i. Penilaian akhir hendaklah dilaksanakan bagi program yang berkaitan.
- ii. Verifikasi dalaman penilaian pelatih hendaklah disemak oleh PP dan disahkan oleh personel lantikan PB yang terdiri daripada-
  - a. PPD;atau
  - b. TAC
- iii. PPL dilantik oleh JPK -
  - a. Mengesahkan penilaian pelatih yang telah disemak dan disahkan oleh personel perkara (ii); dan
  - b. Melaksanakan verifikasi akhir

## **8.0 PERSIJILAN PELATIH**

Penganugerahan Sijil akan dianugerahkan sehingga tahap tertinggi yang **boleh** dicapai oleh pelatih.

## **9.0 TARIKH KUATKUASA**

Panduan Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Secara Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*) di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini mula berkuatkuasa pada **15 Januari 2013**.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

15 Januari 2013